

Rujukan: UNIMAS/PEND/01-104 Jilid 5 (46)



UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)

**PEKELILING PENTADBIRAN
BILANGAN 1 TAHUN 2026**

Pejabat Pendaftar
Tarikh: **8 Januari 2026**

PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 1 TAHUN 2026

**Pemakluman Penggunaan Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Bagi Aktiviti Pengangkutan Jalan**

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada warga UNIMAS berhubung penggunaan Garis Panduan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Bagi Aktiviti Pengangkutan yang telah diluluskan pada Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Bil. 7/2025 ke-99 pada 28 Oktober 2025.
2. Garis panduan ini diperkenalkan selaras dengan komitmen UNIMAS untuk memastikan perjalanan jarak jauh warganya menggunakan kenderaan UNIMAS atau bas atau van sewa bukan milikan UNIMAS dilaksanakan dengan selamat.
3. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 November 2025**.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



Haji Azlan bin Ramli

Pendaftar

Universiti Malaysia Sarawak

GARIS PANDUAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN BAGI AKTIVITI PENGANGKUTAN JALAN UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

1.0 Tujuan

Garis panduan ini adalah bertujuan untuk menyediakan panduan pengurusan berkesan bagi mengurangkan risiko kemalangan jalanraya membabitkan penggunaan kenderaan universiti serta bas atau van sewaan di dalam aktiviti pengangkutan jalan.

2.0 Skop

Garis panduan ini terpakai bagi semua aktiviti pengangkutan jalan yang menggunakan –

- 2.1 kenderaan universiti di bawah kawalan Unit Pengangkutan
- 2.2 pemandu di bawah Unit Pengangkutan
- 2.3 bas atau van sewaan

3.0 Tafsiran

Kenderaan universiti	a) Kereta, van dan bas milikan universiti yang dipandu oleh pemandu universiti yang berjawatan pemandu. b) Kereta milikan universiti yang dipandu oleh kakitangan universiti bukan berjawatan pemandu.
Pemandu	Kakitangan universiti yang memegang jawatan sebagai pemandu.
Bas atau van sewaan	Bas atau van bukan milikan universiti yang disewa daripada syarikat luar bukan milikan universiti. Bas atau van yang disewa daripada orang perseorangan.
Universiti	Universiti Malaysia Sarawak
Unit Pengangkutan	Unit Pengangkutan di bawah Pejabat Pembangunan, Universiti Malaysia Sarawak

Penganjur
program

Staf atau pelajar universiti yang menganjurkan program.

4.0 Kenderaan Universiti

4.1 Pengurusan Pemandu

4.1.1 Pengambilan pemandu

- a) Pejabat Pendaftar disarankan untuk mengenal pasti latar belakang pemandu sebelum mereka diterima berkhidmat sebagai pemandu. Perkara minimum yang dikenal pasti adalah –
 - i) Rekod lampau jenayah melalui semakan dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM).
 - ii) Rekod saman trafik selama TIGA (3) tahun kebelakang melalui semakan dengan Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak.
 - iii) Memiliki lesen memandu yang sah.
 - iv) Pengesahan kecekapan - mengadakan ujian penilaian awal tahap kompetensi atau tahap kecekapan pemandu.
 - v) Tahap kesihatan dan kecergasan - menyemak rekod kesihatan dan kecergasan. Jika tiada rekod kecergasan, atur sesi ujian kecergasan.

4.1.2 Pangkalan data pemandu

- a) Unit Pengangkutan disarankan untuk menyediakan pangkalan data pemandu yang mengandungi rekod-rekod berkaitan –
 - i) Jenis lesen memandu yang dipegang.
 - ii) Tahap kecekapan - profesional, mahir dan separa mahir.
 - iii) Pengalaman kerja.
 - iv) Maklumat tahap kesihatan dan kecergasan.
 - v) Jenis ubat-ubat yang kerap digunakan.
 - vi) Rekod saman.
 - vii) Rekod prestasi.
 - viii) Rekod maklumbalas pengguna.

4.1.3 Latihan pemandu

- a) Unit Pengangkutan disarankan untuk memastikan setiap pemandu diberi latihan seperti yang disenaraikan di bawah. Kekekapan latihan adalah bergantung kepada matriks kompetensi setiap pemandu.
 - i) latihan kemahiran asas
 - ii) latihan pemanduan profesional
 - iii) latihan kemahiran memandu di kawasan berbukit
 - iv) latihan menangani keadaan kecemasan (termasuklah tetapi tidak terhad kepada kebakaran, kemalangan, kerosakan kenderaan dan bencana alam).

4.1.4 Prosedur pemanduan

- a) Unit Pengangkutan disarankan untuk memastikan perkara-perkara di bawah diamalkan –
 - i) semakan rekod pemandu semasa menyediakan jadual atau giliran memandu.
 - ii) memastikan pemandu bertenaga dan segar sebelum memandu.
 - iii) melarang pemandu mengambil ubat yang boleh mengganggu pemanduan (seperti yang boleh menyebabkan mengantuk dan sebagainya).
 - iv) dokumen-dokumen penting dibawa bersama (lesen yang sah, buku log, kad pengenalan atau paspot, dan dokumen lain yang dirasakan perlu).
 - v) pemakaian kaca mata bagi pemandu yang memerlukan bantuan kaca mata meliputi kaca mata hitam, kaca mata silau.
 - vi) pemandu melaporkan diri untuk bertugas sekurang-kurangnya 30 minit awal sebelum perjalanan.
 - vii) pemandu melapor diri kepada penyelia termasuk menyemak tugas.
 - viii) pemandu menjalankan pemeriksaan harian ke atas kenderaan.

- ix) kenderaan mempunyai bahan api (petrol/diesel) yang mencukupi, dan jika perlu isi bahan api, prosedur keselamatan disarankan untuk dipatuhi.

4.1.5 Tempoh pemanduan dan had waktu bekerja

- a) Unit Pengangkutan disarankan untuk memastikan pemandu:
 - i) memandu secara berterusan di atas jalanraya tidak melebihi 4 jam.
 - ii) berhenti rehat 30 minit bagi setiap 4 jam pemanduan.
 - iii) diberi satu (1) hari rehat tanpa pemanduan selepas 6 hari memandu.
 - iv) tidak memandu melebihi 8 jam sehari.

4.1.6 Penggiliran pemandu

- a) Unit Pengangkutan disarankan untuk menetapkan penggiliran pemandu apabila perjalanan–
 - i) membabitkan bas dan van universiti.
 - ii) perjalanan jauh melebihi 300km.
 - iii) perjalanan melalui jalanraya yang berisiko.

4.1.7 Pemantauan pemandu

Unit Pengangkutan disarankan untuk –

- a) sentiasa memeriksa borang pemeriksaan harian kenderaan bagi memastikan pemandu menjalankan pemeriksaan kenderaan setiap hari.
- b) sentiasa memeriksa rekod pemandu daripada pangkalan data pihak penguatkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak.
- c) menjalankan ujian air kencing pemandu secara mengejut dari semasa ke semasa melalui kerjasama dengan Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
- d) mendapatkan maklumbalas penumpang melalui penggunaan borang dalam talian.
- e) melaksanakan langkah intervensi sekiranya terdapat pelanggaran prosedur atau menerima maklumbalas negatif

dari penumpang. Antara langkah intervensi yang boleh diambil meliputi –

- f) Teguran/nasihat mesra
- g) Surat tunjuk sebab
- h) Sesi kaunseling
- i) Tindakan tatatertib

4.1.8 Kesihatan dan kebajikan pemandu

Unit Pengangkutan disarankan untuk –

- a) memastikan pemandu menjalani pemeriksaan kesihatan dan kecergasan tahunan dan direkodkan.
- b) memastikan pemandu tidak dibenarkan untuk memandu dalam keadaan tidak sihat (sama ada melalui bukti sijil cuti sakit atau melalui pemerhatian penyelia terhadap keadaan fizikal dan mental pemandu).
- c) menggantikan pemandu yang tidak sihat dengan pemandu lain yang sihat.
- d) menyediakan maklumat berkaitan penjagaan kesihatan dan mengekalkan kecergasan terutamanya semasa memandu. Contohnya manual bagi melakukan senaman ringan sebelum bekerja dan semasa berhenti rehat.
- e) menyediakan maklumat dan mendidik pekerja terutamanya pemandu bagaimana untuk menguruskan tekanan, keletihan dan kelesuan akibat daripada aktiviti pemanduan dan beban kerja.
- f) memantau sikap dan tingkah laku pemandu di dalam pemanduan kenderaan.
- g) menyediakan kemudahan rehat yang selesa kepada pekerja.

4.2 Pengurusan Kenderaan

4.2.1 Pemeriksaan harian kenderaan

Unit Pengangkutan disarankan untuk memastikan:

- a) setiap pemandu menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan sebelum memulakan perjalanan.

- b) Pemeriksaan disarankan untuk meliputi sekurang-kurangnya
 - i) dokumen kenderaan
 - ii) sistem enjin
 - iii) sistem brek
 - iv) enjin semasa dihidupkan
 - v) kemas dalam (terutamanya bas)
 - vi) peralatan menukar tayar (kecemasan)
 - vii) peralatan bantuan kecemasan dan kebakaran seperti alat pemadam api, papan tanda segitiga kenderaan berhenti dll.
- c) setiap pemandu menjalankan pemeriksaan akhir pada setiap waktu tamat kerja. Pemeriksaan ini haruslah meliputi semua setiap bahagian kenderaan sebagaimana pemeriksaan awalan.
- d) pemandu yang menjalankan pemeriksaan boleh memperakui bahawa kenderaan dalam keadaan selamat untuk digunakan sebelum dan selepas perjalanan melalui penggunaan borang atau buku log pemeriksaan yang ditandatangani.
- e) pemandu melaporkan aduan kerosakan kenderaan secara bertulis kepada penyelia Unit Pengangkutan.
- f) pemandu yang menjalankan pemeriksaan sebelum memulakan perjalanan tidak dibenarkan meneruskan perjalanan sekiranya kenderaan tidak selamat untuk digunakan.

4.2.2 Melapor dan merekod kerosakan kenderaan

Unit Pengangkutan disarankan untuk memastikan:

- a) setiap kerosakan dan sistem yang dinyahaktif (tidak rosak tetapi dimatikan/tidak berfungsi atas sebab-sebab tertentu) pada tiap-tiap kenderaan –
 - i) Dicatat dengan segera setelah dikesan pada bila-bila masa.
 - ii) Dicatat menggunakan kaedah yang sama.

- iii) Dicatat selepas pemeriksaan, penyenggaraan dan pembaikan.
- b) salinan rekod kerosakan disimpan di dalam kenderaan.
- c) memaklumkan pemandu baharu tentang keadaan kenderaan yang akan digunakan.
- d) melaporkan dengan segera semua kerosakan kritikal dan sistem kritikal yang dinyahaktif kepada Pengarah Pejabat Pembangunan bagi tujuan mengembalikan keadaan kenderaan supaya dapat digunakan dengan selamat.

4.2.3 Penyelenggaraan dan pemeriksaan keselamatan pihak ketiga

- a) Unit Pengangkutan disarankan untuk memastikan penyelenggaraan dan pemeriksaan keselamatan pihak ketiga dilaksanakan dan meliputi –
 - i) dijadualkan secara berkala.
 - ii) liputan yang komprehensif.
 - iii) dilakukan oleh pihak berkuasa atau pihak yang mendapat tauliah dari pihak berkuasa atau dicadangkan oleh pengeluar kenderaan.
 - iv) laporan lengkap dikeluarkan oleh pihak ketiga dan disimpan dengan baik.
- b) Unit Pengangkutan disarankan untuk menghentikan pengoperasian sebarang kenderaan yang didapati mengalami masalah yang dianggap kritikal oleh pihak berkuasa atau pihak yang mendapat tauliah dari pihak berkuasa.

4.2.4 Bengkel pemeriksaan keselamatan, penyenggaraan dan pembaikan

- a) Unit Pengangkutan disarankan untuk memastikan bengkel untuk kegunaan membaik pulih, penyelenggaraan dan pemeriksaan keselamatan kenderaan adalah sesuai bagi setiap aktiviti yang dijalankan.

4.2.5 Rekod penyelenggaraan

- a) Unit Pengangkutan disarankan untuk memastikan bahawa semua pemeriksaan keselamatan, penyenggaraan serta baik pulih kenderaan direkod dan disimpan dengan baik.
- b) Rekod tersebut termasuklah -
 - i) pemeriksaan harian kenderaan.
 - ii) kerosakan kenderaan.
 - iii) penyelenggaraan kenderaan.
 - iv) baik pulih kenderaan.
 - v) pemeriksaan kenderaan oleh pihak berkuasa.
 - vi) semakan ke atas proses penyelenggaraan.
 - vii) kemudahan dan peralatan yang diguna.

4.2.6 Latihan dan pendidikan bagi pemeriksaan keselamatan dan penyenggaraan

- a) Bagi memastikan pekerja yang menjalankan kerja membaik pulih, penyenggaraan dan pemeriksaan keselamatan mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang optimal, Unit Pengangkutan disarankan untuk –
 - i) mengenalpasti jenis latihan yang sesuai dengan menyediakan matriks kompetensi.
 - ii) mengenalpasti pekerja yang memerlukan latihan mengikut matriks kompetensi yang telah disediakan.
 - iii) memilih penyedia latihan yang bertauliah atau diiktiraf.
 - iv) mendapatkan kelulusan pelaksanaan latihan dan bajet yang cukup.
 - v) memastikan pekerja yang dipilih untuk menjalani latihan, melengkapkan latihan dengan sempurna dan mendapat pengiktirafan dari penyedia latihan.
 - vi) mengesahkan pekerja mempunyai pengetahuan dan kemahiran daripada latihan yang telah dijalaninya.

4.2.7 Lesen Kenderaan

Unit Pengangkutan disarankan untuk memastikan –

- a) Lesen kenderaan dan dokumen kenderaan berkaitan disarankan untuk disimpan di dalam fail khas dan pemandu bertanggungjawab ke atas perkara ini.

- b) Fail tersebut disarankan untuk dikemukakan kepada pihak berkuasa untuk tindakan pemeriksaan.

4.2.8 Kekemasan Kenderaan

- a) Unit Pengangkutan disarankan untuk memastikan pemandu kenderaan membersihkan tempat duduk, langsir, tong sampah, sawang atau debu setiap hari.

4.3 Pengurusan Perjalanan Dan Risiko

4.3.1 Penilaian risiko laluan perjalanan

- a) Unit Pengangkutan disarankan untuk mengumpulkan maklumat-maklumat yang menjadi faktor peningkatan risiko bagi tujuan penilaian risiko perjalanan. Maklumat-maklumat tersebut meliputi, tetapi tidak terhad kepada, perkara-perkara berikut –
 - i) keadaan fizikal bas (meliputi kerosakan kecil dan sistem yang dinyahfungsi).
 - ii) keadaan fizikal dan mental pemandu.
 - iii) tahap kemahiran pemandu.
 - iv) ramalan cuaca buruk (hujan lebat, kabus tebal, angin kuat dll).
 - v) jalan yang kerap menyebabkan kemalangan kenderaan.
 - vi) jalan yang sedang menjalani kerja-kerja pembaikan/penyenggaraan (lubang jalan, rintangan jalan, aktiviti pembinaan dll).
 - vii) jalan berbukit-bukau atau mempunyai lereng bergaung.
 - viii) jalan yang kerap mengalami tanah runtuh.
 - ix) jalan yang tiada pencahayaan atau pencahayaan sangat malap.
 - x) jalan yang mempunyai selekoh tajam.
 - xi) jalan sempit.
 - xii) jalan yang tiada kemudahan bantuan kecemasan dan tiada isyarat telefon mudahalih.
 - xiii) jalan yang kerap digunakan kenderaan besar membawa muatan berbahaya (kayu balak, kerikil/tanah, bahan kimia, bahan buangan berbahaya dll).

- xiv) laluan lintasan haiwan besar (gajah, lembu, rusa dll).
- xv) kandungan bagasi atau muatan yang dibawa di dalam bas.

4.3.2 Jadual trip

- a) Unit Pengangkutan disarankan untuk menyediakan jadual trip bagi kenderaan yang membolehkan pemandu mempunyai masa yang mencukupi untuk memastikan perjalanan adalah selamat. Penetapan jadual trip disarankan untuk mengambilkira perkara berikut –
 - i) masa dan jarak perjalanan.
 - ii) trafik.
 - iii) keadaan jalan dan bentuk muka bumi.
 - iv) waktu perjalanan (pagi, petang, atau malam).
 - v) tekanan serta keletihan semasa pemanduan.
 - vi) status atau masalah kenderaan.

4.3.3 Rehat dan rawat

- a) Unit Pengangkutan disarankan untuk menyediakan maklumat bagi rujukan pemandu dan/atau bagi tujuan perancangan perjalanan, mengambilkira perkara berikut –
 - i) lokasi rehat dan rawat yang selamat (Terminal R&R, restoren lebuhraya, pekan/bandar, stesen minyak dll).
 - ii) kemudahan yang ada di lokasi rehat dan rawat (tandas, tempat mandi, tempat makan, tempat rehat, surau dll).

4.3.4 Pemantauan trip

- a) Unit Pengangkutan disarankan untuk menyediakan buku log kenderaan dan perkara-perkara yang perlu direkodkan di dalam buku log adalah tidak terhad seperti berikut –
 - i) Nama pemandu dan pemandu ganti.
 - ii) Tarikh dan masa bertolak.
 - iii) Tarikh dan masa sampai ke destinasi.
 - iv) Rekod jarak perjalanan (bacaan odometer), laluan dan sebagainya.
 - v) Tarikh, masa dan lokasi pertukaran pemandu.

- b) Data-data ini disarankan untuk disimpan, dijaga dan diurus oleh Unit Pengangkutan untuk kegunaan tertentu seperti penilaian prestasi pemandu, penyiasatan kemalangan dan sebagainya.
- c) Unit Pengangkutan digalakkan mengguna sistem merekod data teknologi terkini untuk memantau perjalanan yang selain daripada buku log seperti penggunaan Sistem Penentu Kedudukan Global (GPS).

4.3.5 Pengurusan penumpang, barangan/muatan dan bagasi

- a) Penganjur program dan Unit Pengangkutan disarankan untuk memastikan pemandu berhenti di tempat yang selamat bagi tujuan penumpang naik dan turun dan/atau memasukkan dan mengeluarkan muatan bagasi atau barang-barang. Tempat yang dimaksudkan disarankan untuk bebas daripada hazard –
 - i) dilanggar kenderaan lain.
 - ii) permukaan tanah/struktur yang boleh menyebabkan penumpang jatuh (longkang dalam, permukaan tidak rata dll).
- b) Unit Pengangkutan disarankan untuk mewujudkan sistem maklumbalas penumpang bagi tujuan menyampaikan aduan, cadangan atau memberi penghargaan kepada pemandu. Sistem ini meliputi –
 - i) memastikan nombor talian atau pautan borang dipamerkan di dalam setiap bas.
 - ii) memastikan semua aduan direkodkan.
 - iii) aduan yang diterima disarankan untuk disiasat dan diambil tindakan sewajarnya.
 - iv) cadangan yang diterima disarankan untuk dinilai kewajaran untuk diterimapakai dan diusulkan kepada pihak pengurusan Pejabat Pembangunan.
 - v) penghargaan disarankan untuk dimaklumkan kepada pemandu yang bertugas membawa penumpang yang memberi penghargaan.

- c) Unit Pengangkutan disarankan untuk menyediakan maklumat dan peraturan berkaitan penumpang seperti –
 - i) peraturan bagasi (ruang dalam bas dan tempat khusus bagasi).
 - ii) Syarat-syarat permit/ lesen yang perlu dipatuhi penumpang.
 - iii) Notis perkara-perkara asas yang BOLEH dan TIDAK BOLEH dilakukan semasa menaiki kenderaan.
 - iv) Hak pemandu dan hak penumpang.
 - v) Panduan yang menunjukkan cara-cara bertindak dengan betul jika berlaku kecemasan.

- d) Unit Pengangkutan disarankan untuk memastikan semua maklumat dan peraturan berkaitan penumpang dipamerkan di dalam kenderaan dan perhentian kenderaan dalam keadaan yang mudah dibaca dan mudah dilihat oleh penumpang.

4.3.6 Pelan tindakan kecemasan

- a) Unit Pengangkutan disarankan untuk mengadakan pelan tindakan kecemasan yang meliputi, tetapi tidak terhad kepada –
 - i) Kebakaran atau tumpahan bahan berbahaya di dalam bas.
 - ii) Bas terbalik.
 - iii) Bas tersadai di tengah jalan akibat rosak.
 - iv) Penumpang mengalami masalah kesihatan kritikal.
 - v) Terperangkap dalam cuaca buruk di dalam perjalanan.
 - vi) Terperangkap dalam bencana alam di dalam perjalanan.

- b) Unit Pengangkutan disarankan untuk memastikan pemandu menjalani latihan kecemasan seperti –
 - i) pertolongan cemas asas.
 - ii) latihan asas mencegah kebakaran dan penggunaan alat pemadam api.
 - iii) pengendalian peralatan kecemasan.
 - iv) Penggunaan kotak pertolongan cemas.

- c) Unit Pengangkutan disarankan untuk menyediakan peralatan kecemasan di setiap kenderaan dan/atau di bengkel seperti –

- i) alat pemadam api mudah alih 9kg bertekanan hijau. Minimum 1 unit.
 - ii) peti pertolongan cemas (first aid box) yang lengkap. Minimum 1 unit.
 - iii) jaket pantul cahaya (reflector vest) MS 1731:2004
 - iv) Class 2. Minimum 1 unit.
 - v) cota kawalan trafik bercahaya (high visibility emergency traffic baton) dengan bateri tambahan. Minimum 1 unit.
 - vi) lampu suluh dan bateri tambahan. Minimum 1 unit.
 - vii) tukul pemecah tingkap/tukul keselamatan - 2 unit bagi bas dan 1 unit bagi van, diletakkan berhampiran tingkap kecemasan).
 - viii) segitiga keselamatan (MS 2294:2010) - 2 unit bagi bas dan 1 unit bagi van.
 - ix) tali 'reflective delineator' minimum 50 meter (MS 1216).
 - x) kon keselamatan (MS 1216) jenis boleh lipat (collapsible cone) - 3 unit bagi bas dan 2 unit bagi van
 - xi) tayar gantian.
 - xii) peralatan menukar tayar.
 - xiii) kamera papan pemuka (dashcam).
- d) Unit Pengangkutan disarankan untuk menyediakan maklumat berkaitan kecemasan seperti –
- i) prosedur melapor kecemasan.
 - ii) nombor telefon pihak berkuasa.
 - iii) nombor pegawai untuk dihubungi.
 - iv) pelekat 'Emergency Exit' ditampal di pintu dan tingkap kecemasan.
- e) Unit Pengangkutan disarankan untuk memastikan peralatan kecemasan –
- i) pada jumlah yang betul.
 - ii) berada di tempat yang sepatutnya.
 - iii) sentiasa dalam keadaan baik dan berfungsi.

4.3.7 Laporan dan penyiasatan kemalangan

- a) Unit Pengangkutan disarankan untuk memastikan pemandu melaporkan kemalangan kenderaan universiti dengan segera

kepada pihak Polis, penyelia Unit Pengangkutan dan Pengarah Pejabat Pembangunan.

- b) kemalangan kenderaan dilaporkan kepada Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan setelah pelaporan di dalam (a) selesai dibuat.
- c) penyelia kenderaan melakukan siasatan awal bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan kemalangan.
- d) penyelia dan pemandu memberikan kerjasama yang sewajarnya kepada pegawai penyiasat yang dilantik sama ada pegawai universiti atau pegawai pihak berkuasa persekutuan atau negeri.

5.0 KESELAMATAN PENGGUNAAN BAS ATAU VAN SEWAAN BAGI KEGUNAAN PROGRAM RASMI UNIVERSITI

5.1 Perjalanan darat melebihi 300 km di dalam Sarawak

5.1.1 Penganjur program disarankan untuk menggunakan bas atau van universiti sebagai pilihan utama.

5.1.2 Unit Pengangkutan disarankan untuk memberi keutamaan penggunaan bas dan van universiti kepada program-program yang melibatkan perjalanan darat melebihi 300 km.

5.2 Perjalanan darat tidak melebihi 300 km di dalam Sarawak

5.2.1 Dalam keadaan di mana bas atau van universiti tidak dapat disediakan atas sebab-sebab tertentu, penganjur program dibenarkan menggunakan bas atau van sewaan.

5.2.2 Penganjur program disarankan untuk menggunakan bas atau van sewaan yang disediakan oleh syarikat ejen pelancongan atau syarikat kereta sewa dan pandu yang berdaftar dengan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak dan mempunyai permit atau lesen bas atau van yang sah.

5.3 Perjalanan darat di Semenanjung atau di Sabah tanpa mengambilkira jarak perjalanan

5.3.1 Dalam keadaan di mana bas atau van kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, agensi kerajaan, syarikat-syarikat milik kerajaan atau universiti awam tidak dapat disediakan atau ditempah, penganjur program dibenarkan menggunakan bas atau van sewaan.

5.3.2 Penganjur program disarankan untuk menggunakan bas atau van sewaan yang disediakan oleh syarikat ejen pelancongan atau syarikat kereta sewa dan pandu yang berdaftar dengan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak dan mempunyai permit atau lesen bas atau van yang sah.

5.4 Perjalanan darat di luar sempadan negara tanpa mengambilkira jarak perjalanan

5.4.1 Penganjur program disarankan untuk menggunakan bas atau van sewaan yang disediakan oleh syarikat ejen pelancongan atau syarikat kereta sewa dan pandu yang berdaftar atau memiliki lesen/permit yang sah yang dikeluarkan pihak berkuasa pengangkutan darat atau pelancongan negara yang dikunjungi.

6.0 KESELAMATAN PENGGUNAAN BAS ATAU VAN SEWAAN BAGI KEGUNAAN PROGRAM TIDAK RASMI MEMBABITKAN STAF DAN/ATAU PELAJAR UNIVERSITI

6.1 Perjalanan darat melebihi 300 km di dalam Sarawak.

6.1.1 Penganjur program disarankan untuk menggunakan bas atau van universiti sebagai pilihan pertama.

6.1.2 Dalam keadaan di mana bas atau van universiti tidak dapat disediakan atas sebab-sebab tertentu, penganjur program dibenarkan menggunakan bas atau van sewaan dan memastikan –

- a) Penggunaan bas atau van sewaan mendapatkan kelulusan Dekan/Pengarah/Ketua masing-masing dengan menyediakan maklumat yang berikut –
 - i) Senarai nama penumpang
 - ii) Nombor kad pengenalan
 - iii) Nombor telefon untuk dihubungi
 - iv) Maklumat waris untuk dihubungi
 - v) Tentatif perjalanan yang menyenaraikan lokasi setiap hentian.

6.1.3 Penganjur program adalah dinasihatkan untuk menggunakan bas atau van sewaan yang disediakan oleh syarikat ejen pelancongan atau syarikat kereta sewa dan pandu yang berdaftar dengan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak dan mempunyai permit atau lesen bas atau van yang sah.

6.1.4 Penganjur program bertanggungjawab untuk memastikan -

- a) perjalanan darat menggunakan bas atau van sewaan bermula dan tamat pada waktu hari masing siang.
- b) pemandu gantian disediakan.
- c) bas atau van yang tiba adalah dalam keadaan baik dan selamat digunakan dengan melakukan pemeriksaan visual sebelum bas atau van memulakan perjalanan atau mendapatkan pengesahan bertulis daripada syarikat yang menyewakan bas atau van.
- d) melapor sebarang kejadian langgar kenderaan, langgar objek pegun atau kenderaan hilang kawalan kepada Dekan/Pengarah/Ketua masing-masing (rujuk 6.1.2(a)) dalam tempoh 24 jam.

6.2 Perjalanan darat tidak melebihi 300 km di dalam Sarawak, di Sabah atau di Semenanjung

6.2.1 Penganjur program yang memerlukan bas atau van bagi tujuan perjalanan adalah dinasihatkan untuk menggunakan bas atau van sewaan yang disediakan oleh syarikat ejen pelancongan atau

syarikat kereta sewa dan pandu yang berdaftar dengan pihak berkuasa pengangkutan darat atau pelancongan dan mempunyai permit atau lesen bas atau van yang sah.

6.3 Perjalanan darat di luar sempadan negara tanpa mengambilkira jarak perjalanan

6.3.1 Penganjur program yang memerlukan bas atau van bagi tujuan perjalanan di dalam negara yang dikunjungi adalah dinasihatkan untuk menggunakan bas atau van sewaan yang disediakan oleh syarikat ejen pelancongan atau syarikat kereta sewa dan pandu yang berdaftar atau memiliki lesen/permit yang sah yang dikeluarkan pihak berkuasa pengangkutan darat atau pelancongan negara yang dikunjungi.

RUJUKAN

- a) Kod Amalan Industri S.P.A.D. – Keselamatan Untuk Pengendali Bas, 2016, Edisi Kedua.
- b) Tataamalan Industri Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Bagi Aktiviti Pengangkutan Jalan, 2010, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia